

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
29 MEI 2017**

---

**1. SALAM RAMADHAN**

Kesempatan ini saya ingin mengucapkan Ramadhan al-Mubarak kepada seluruh umat Islam di Pulau Pinang yang telah bermula pada 27 Mei 2017 yang lalu. Semoga ibadah puasa yang dilaksanakan akan mendapat berkat dari Allah SWT.

**2. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI**

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*) akan diadakan pada 4 Jun 2017 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Aktiviti yang telah dirancang pada Program CFM adalah *Busking*, gerai jualan dan pameran, senamrobik, kaunter

bayaran bergerak, jualan e-Waste dan banyak lagi aktiviti menarik. Datanglah beramai-ramai untuk memeriahkan lagi MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai.

### **3. HARI NUZUL QURAN**

Hari Nuzul Quran akan disambut pada 12 Jun 2017 (Isnin), bersamaan 17 Ramadhan 1438H. Hari tersebut adalah merupakan hari cuti umum bagi negeri Pulau Pinang.

### **4. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI**

Kesempatan ini, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua umat Islam yang akan disambut pada 25 dan 26 Jun 2017 (Ahad dan Isnin). Saya berharap agar warga Seberang Perai dan semua kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai berhati-hati semasa memandu kenderaan pulang ke kampung halaman, patuhi peraturan dan waktu perjalanan yang telah ditetapkan oleh Plus bagi mengelakkan kesesakan lalulintas. Selamat bercuti dan pastikan rumah kediaman dikunci dengan sempurna bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.

## **5. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan dan Program Senamrobik Bersama MPSP Taman Berjaya, Nibong Tebal akan dihentikan untuk seketika semasa bulan Ramadhan. Program senamrobik ini akan diteruskan seperti biasa pada 16 Julai 2017.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**